

04/11/2001

Mahathir kecewa sikap Fadzil Noor

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kecewa dengan sikap Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor yang terus berdolak-dalik dan tidak bertanggungjawab walaupun ketika negara menghadapi `keadaan cemas' seperti sekarang.

Perdana Menteri berkata, sebagai rakyat Malaysia semua orang termasuk Fadzil patut berasa lebih bertanggungjawab dan memberi sokongan kepada kerajaan.

Justeru katanya, tidak salah bagi orang seperti Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (Suhakam), Tan Sri Musa Hitam, meminta semua pihak memberi kepercayaan kepada kerajaan mentadbir negara dengan cara tersendiri.

"Dia (Musa) pun rakyat Malaysia juga. Kalau dia nak pisah daripada jadi rakyat Malaysia.. lainlah.

"Tetapi sebagai rakyat Malaysia, saya fikir semua orang termasuk Fadzil patut rasa bertanggungjawab... dalam keadaan cemas macam ini dia patut bagi sokongan pada kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Hari Keluarga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Taman Wetland di sini, semalam.

Isnin lalu, Musa dilaporkan berkata, semua pihak perlu memberi kepercayaan kepada kerajaan mentadbir negara dengan cara tersendiri walaupun tindakan diambil mungkin dilihat membelakangkan demokrasi dan hak asasi manusia.

Bagaimanapun, semalam Musa berkata, kenyataan yang dibuatnya itu adalah berasaskan kepada kedudukannya sebagai bekas Timbalan Perdana Menteri, bukannya Pengerusi Suhakam.

Fadzil dilaporkan sebagai berkata, Musa masih tidak dapat membebaskan diri daripada kedudukannya dulu sebagai pemimpin nombor dua dalam Umno dan kerajaan.

Katanya, Musa patut bersikap proaktif dalam soal asas yang menyentuh seluruh rakyat dan tidak terbawa-bawa dengan pengalaman ketika menjadi orang penting negara.

Dr Mahathir berkata, Fadzil patut meneruskan sokongan beliau terhadap Musa dalam apa keadaan pun, kerana selama ini Presiden Pas itu menyokong Musa apabila Pengerusi Suhakam itu mengeluarkan kenyataan yang memihak kepada partinya.

"Dulu dia sokong apabila Musa memihak kepada dia," katanya.

Menjawab soalan, Perdana Menteri berkata tidak salah bagi Suhakam mempunyai pendirian yang sama dengan kerajaan kerana semua yang dihasilkan adalah demi kepentingan rakyat keseluruhan.

"Bukan semua yang kita buat tak betul... benda yang betul sokonglah, benda yang tak betul tak sokonglah," katanya.

(END)